



## KENYATAAN MEDIA

### PANDEMIK COVID-19 TIDAK MENJEJASKAN USAHA PERKESO MENINGKATKAN KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

**KUALA LUMPUR** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meneruskan usaha meningkatkan kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) walaupun negara masih dilanda pandemik COVID-19. Hampir **RM3.8 juta** dalam bentuk Geran Bantuan Kewangan disalurkan kepada **36 institusi-institusi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)** untuk pelaksanaan **471 program** bagi memupuk kesedaran KKP dalam kalangan majikan dan pekerja.

Bantuan Kewangan PERKESO adalah berasaskan skop dan bidang institusi dan badan NGO terbabit untuk membantu PERKESO meningkatkan KKP dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed hari ini telah menyampaikan Geran Bantuan Kewangan PERKESO kepada wakil-wakil institusi dan badan NGO pada **Majlis Penyampaian Geran Bantuan Kewangan PERKESO Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Tahun 2021** yang diadakan secara dalam talian.

Pada tahun 2020, kemalangan melibatkan pekerja yang dilaporkan kepada PERKESO menunjukkan **penurunan 14 peratus kepada 68,649 kes dari 79,650 kes pada tahun 2019**. Walau bagaimanapun, penurunan **kes kemalangan di tempat kerja hanya mencatatkan 8.4 peratus berbanding penurunan 20 peratus dalam kemalangan perjalanan atau *commuting accident***. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana walaupun terdapat kekangan operasi tempat kerja dan kehadiran pekerja yang rendah, namun kadar kemalangan di tempat kerja masih tinggi.

Sehubungan itu, sebanyak 471 program di bawah Geran Bantuan Kewangan PERKESO telah dirancang untuk tahun 2021, di mana 285 adalah untuk penganjuran seminar serta kursus dan 175 program adalah untuk siri kursus keselamatan perjalanan. PERKESO juga telah memperuntukkan 11 program runding cara yang menyasarkan majikan yang berisiko tinggi.

Aktiviti pencegahan pada tahun ini akan dilaksanakan berasaskan norma baharu di mana 40 peratus daripada keseluruhan aktiviti akan diadakan secara dalam talian. Fokus aktiviti pencegahan pada tahun 2021 termasuk pencegahan kemalangan khususnya keselamatan pekerjaan berkaitan jalanraya, pekerja asing dan pekerja muda (*young workers*) yang juga merupakan pencaerum PERKESO.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
5 FEBRUARI 2021**